

PERADUAN MERDEKA BERSATU BERJIMAT BERSAMA ECONSAVE 2026

Dengan menyertai **Peraduan Merdeka Bersatu Berjimat Bersama Econsave 2026** ("Peraduan"), anda ("Peserta") mengakui bahawa anda telah membaca, memahami dan bersetuju untuk menerima Terma dan Syarat yang dinyatakan seperti berikut:

TERMA DAN SYARAT

1. KELAYAKAN

1. Peraduan ini terbuka kepada warganegara Malaysia yang berumur **18 tahun dan ke atas** sepanjang Tempoh Peraduan, kecuali kakitangan Econsave Malaysia ("Pihak Penganjur") dan ahli keluarga terdekatnya, syarikat sekutunya, rakan kongsi perniagaan, pembekal/pengedar, agensi promosi, pengiklanan atau perhubungan awam serta mana-mana pihak lain yang terlibat dalam Peraduan ini.

2. TEMPOH PERADUAN

1. Peraduan ini berlangsung dari **24 Ogos 2026 hingga 16 September 2026, 11.59 malam** ("Tempoh Peraduan").
2. Pihak Penganjur berhak untuk meminda, melanjutkan atau menamatkan Tempoh Peraduan pada bila-bila masa tanpa memberikan notis terlebih dahulu.

CARA-CARA PENYERTAAN

1. Untuk menyertai Peraduan ini, setiap Peserta yang layak perlu, dalam Tempoh Peraduan:
 1. Mencari dan mengira jumlah **Makcik Econ** yang terdapat dalam gambar Peraduan.
 2. Komen jawapan jumlah Makcik Econ yang dijumpai di ruangan komen posting Peraduan.
 3. Follow page Econsave Malaysia dan sertakan hashtag **#BersatuBerjimat** dalam komen penyertaan.
2. **Satu (1) komen yang lengkap dan memenuhi syarat dikira sebagai satu (1) penyertaan.**
3. Penyertaan boleh dibuat melalui platform media sosial rasmi Econsave Malaysia, iaitu **Facebook dan instagram.**
4. Penyertaan yang tidak lengkap, tidak mematuhi syarat atau diterima selepas Tempoh Peraduan akan dianggap tidak sah.

HADIAH

1. Sebanyak **23 orang pemenang** akan dipilih daripada penyertaan yang layak di platform media sosial rasmi Econsave Malaysia.
2. Hadiah untuk Peraduan ini adalah seperti berikut:

Kategori Hadiah	Bilangan Pemenang	Nilai Hadiah
1× Hadiah Utama	1	RM1,000 Baucar Econsave
2× Hadiah Kedua	2	RM300 Baucar Econsave setiap seorang
4× Hadiah Ketiga	4	RM150 Baucar Econsave setiap seorang
16× Hadiah Saguhati	16	RM50 Baucar Econsave setiap seorang
Jumlah	23 pemenang	RM3,000

3. Setiap pemenang hanya layak menerima **SATU (1) hadiah** sahaja sepanjang Peraduan.
4. Hadiah tidak boleh ditukar kepada wang tunai, dipindah milik atau ditukar kepada hadiah lain.
5. Tertakluk kepada terma dan syarat lain yang ditetapkan berkaitan penggunaan Baucar Econsave.
6. Sekiranya mana-mana hadiah tidak dapat diberikan atas apa-apa sebab, Pihak Penganjur berhak menggantikan hadiah tersebut dengan hadiah lain yang mempunyai nilai yang setara atau nilai yang ditentukan oleh Pihak Penganjur tanpa notis terlebih dahulu.

PEMILIHAN PEMENANG

1. Hanya Peserta yang memenuhi semua syarat Peraduan dan memberikan jawapan yang tepat akan layak untuk dipertimbangkan sebagai pemenang.
2. Penyertaan yang layak daripada **Facebook dan Instagram rasmi Econsave Malaysia** akan disemak dan disenarai pendek.
3. Peserta yang disenarai pendek daripada kedua-dua platform akan digabungkan ke dalam satu kumpulan untuk tujuan pemilihan pemenang.
4. Pemilihan pemenang akan dilakukan melalui **cabutan secara rawak** daripada kumpulan peserta yang disenarai pendek.
5. Cabutan akan menentukan pemenang mengikut turutan hadiah, bermula dengan **Hadiah Utama**, diikuti **Hadiah Kedua, Hadiah Ketiga dan Hadiah Saguhati**.
6. Setiap peserta hanya boleh memenangi **SATU (1) hadiah** sahaja. Sekiranya nama Peserta yang sama terpilih lebih daripada sekali, Pihak Penganjur berhak memilih peserta lain sebagai pengganti.
7. Pihak Penganjur akan menghubungi pemenang melalui platform yang digunakan untuk penyertaan, Pemenang mestilah balas dengan maklumat yang diperlukan dalam tempoh yang diberikan.
8. Sekiranya tiada maklum balas diberikan dalam tempoh yang ditetapkan oleh Pihak Penganjur, atau gagal memberikan maklumat yang diperlukan untuk pengesahan, Pihak Penganjur berhak membatalkan kelayakan Pemenang tersebut dan memilih Pemenang pengganti.
9. Pemenang perlu memberikan maklumat yang diperlukan untuk tujuan pengesahan dan penebusan hadiah.
10. Pihak Penganjur akan menentukan kaedah penyerahan atau pengambilan hadiah. Pemenang bertanggungjawab terhadap sebarang pengaturan pengangkutan sendiri yang diperlukan untuk mengambil hadiah.
11. Wakil untuk pengambilan hadiah tidak akan dilayan kecuali mendapat kelulusan daripada Pihak Penganjur terlebih dahulu.
12. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang hadiah yang tidak ditebus atau tidak diterima oleh Pemenang.
13. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kecacatan, kehilangan, kerosakan atau

kecurian yang berlaku selepas hadiah diserahkan kepada Pemenang.

LAIN-LAIN

1. Dengan menyertai Peraduan ini dan menerima hadiah, Peserta bersetuju dan memberi kebenaran kepada Pihak Penganjur untuk menggunakan nama, gambar, butiran peribadi dan/atau bahan berkaitan penyertaan Peserta tanpa sebarang bayaran royalti dan/atau pampasan bagi tujuan pengiklanan, promosi dan publisiti berkaitan Peraduan dan Econsave.
2. Pihak Penganjur berhak memindahkan butiran peribadi yang diberikan oleh Peserta kepada agensi yang dilantik bagi tujuan pengurusan Peraduan dan komunikasi dengan Peserta. Pihak Penganjur akan berusaha sedaya upaya untuk memastikan butiran peribadi dilindungi daripada penyalahgunaan selaras dengan **Akta Perlindungan Data Peribadi 2010**.
3. Pihak Penganjur berhak membatalkan mana-mana penyertaan dan/atau Peserta tanpa perlu memberikan notis atau penjelasan sekiranya penyertaan tersebut didapati tidak lengkap, mengelirukan, melanggar Terma dan Syarat Peraduan, menggunakan kaedah yang tidak sah, melibatkan penyertaan berganda yang melanggar syarat Peraduan, atau disyaki mempunyai unsur penipuan, manipulasi atau penyalahgunaan Peraduan.
4. Semua Peserta bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang kecederaan, kerosakan atau tuntutan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh penyertaan mereka dalam Peraduan atau penggunaan hadiah.
5. Peserta bertanggungjawab terhadap sebarang cukai, insurans atau perbelanjaan yang mungkin dikenakan berkaitan dengan penyertaan atau penerimaan hadiah.
6. Dengan menerima atau menggunakan hadiah, Peserta bersetuju untuk melepaskan Pihak Penganjur, rakan niaga dan pihak lain yang berkaitan dengan Peraduan, termasuk pengarah, pegawai, kakitangan dan ejen mereka daripada sebarang tuntutan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang berkaitan dengan penyertaan, penerimaan, penebusan atau penggunaan hadiah.
7. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang salah tafsir berkaitan fakta, maklumat atau hadiah yang ditawarkan dan diterbitkan melalui mana-mana media, bahan pemasaran atau pengiklanan.
8. Pihak Penganjur berhak, atas budi bicara mutlak, menambah, menggugurkan, mengubah atau meminda mana-mana Terma dan Syarat, kaedah Peraduan, hadiah atau perkara berkaitan Peraduan tanpa memberikan notis terlebih dahulu.
9. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan, konflik atau ketidakpastian dalam Terma dan Syarat Peraduan ini, keputusan Pihak Penganjur adalah muktamad.
10. Peserta memahami bahawa mereka mempunyai hak untuk mengakses, membetulkan atau menarik balik persetujuan terhadap pemprosesan maklumat peribadi mereka yang dipegang oleh Pihak Penganjur. Sebarang permintaan boleh dibuat melalui e-mel di **customer_support@econsave.com.my**.
11. Pihak Penganjur menghormati privasi individu berhubung data peribadi yang diberikan oleh Peserta. Peserta boleh merujuk kepada laman web rasmi Econsave untuk Notis Privasi dan maklumat lanjut berkaitan **Akta Perlindungan Data Peribadi 2010**.
12. Data peribadi yang diberikan oleh Peserta akan digunakan bagi tujuan pengurusan Peraduan, pengesahan pemenang, penyerahan hadiah dan komunikasi berkaitan Peraduan.
13. Terma dan Syarat Peraduan ini hanya tersedia dalam **Bahasa Malaysia**.

NOTIS AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

Notis data peribadi ini ("Notis") bertujuan untuk memaklumkan anda bahawa data peribadi anda akan diproses oleh atau bagi pihak Econsave ("Econsave" atau "kami").

Dengan menyertai Peraduan ini, anda bersetuju untuk memberikan kebenaran kepada Econsave untuk memproses data peribadi anda seperti yang dinyatakan dalam Notis ini.

Kami mungkin memproses data peribadi yang diberikan kepada kami, termasuk nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon, alamat dan apa-apa data peribadi lain yang diperlukan bagi tujuan pengurusan Peraduan.

Econsave akan memproses data peribadi anda untuk tujuan pengurusan Peraduan, komunikasi dengan Peserta, pengesahan Pemenang dan penyerahan hadiah.

Data peribadi yang diberikan mungkin didedahkan kepada pembekal perkhidmatan atau agensi yang dilantik bagi tujuan pengurusan dan operasi Peraduan.

Anda bertanggungjawab memastikan semua data peribadi yang diberikan kepada kami adalah terkini, tepat, lengkap dan tidak mengelirukan.

Anda boleh mengakses atau meminta pengubahan data peribadi anda dan/atau membuat pertanyaan atau aduan berkaitan data peribadi anda melalui e-mel di **customer_support@econsave.com**